

UNDANG-UNDANG BRUNEI

EDISI SEMAKAN 1984

PENGGAL 147

**KAWASAN-KAWASAN TERKAWAL DAN TEMPAT-
TEMPAT TERKAWAL**

SUSUNAN BAB

Bab

1. Gelaran pendek.
2. Tafsiran.
3. Pemberiankuasa kepada pengawal-pengawal dan penjaga-penjaga.
4. Kawasan-kawasan Terkawal.
5. Tempat-tempat Terkawal.
6. Notis perintah-perintah di bawah bab-bab 4 dan 5.
7. Hukuman.
8. Kebolehan merampas dan kebolehan menjamin kesalahan-kesalahan.
9. Kuasa-kuasa khas di dalam kawasan-kawasan terkawal dan tempat-tempat terkawal.
10. Langkah-langkah pertahanan di kawasan-kawasan terkawal dan tempat-tempat terkawal.
11. Syarat-syarat peralihan.

**AKTA KAWASAN-KAWASAN TERKAWAL DAN
TEMPAT-TEMPAT TERKAWAL**

Satu Akta untuk mengadakan syarat-syarat bagi kawasan-kawasan terkawal dan tempat-tempat terkawal. 6 tahun 1983.

Permulaan kuatkuasa : 1hb Disember, 1983. S.23/83.

1. Akta ini boleh digelar sebagai Akta Kawasan-Kawasan Terkawal dan Tempat-Tempat Terkawal. Gelaran Pendek.

2. (1) Dalam Akta ini — Tafsiran.

“angkatan bersenjata” bermakna Angkatan Bersenjata Diraja Brunei atau mana-mana angkatan bersenjata yang lain (selain dari pasukan polis) Negara Brunei Darussalam pada masa itu ;

“pegawai yang diberikuasa” bermakna —

(a) sebarang pegawai polis ;

(b) sesiapa jua yang mempunyai tauliah di dalam mana-mana angkatan bersenjata atau di dalam mana-mana angkatan yang melawat ;

(c) sebarang anggota dari mana-mana angkatan bersenjata atau dari sebarang angkatan yang melawat yang menjalankan tugas seorang pengawal atau pengawas di dalam mana-mana kawasan terkawal atau tempat terkawal menurut perintah-perintah yang dikeluarkan oleh seseorang yang mempunyai tauliah di dalam mana-mana angkatan bersenjata atau angkatan yang melawat ;

(d) sebarang orang yang menjalankan tugas-tugas seorang pengawal atau penjaga di dalam sesebuah kawasan terkawal atau tempat terkawal dan diberikuasa khas bagi maksud itu di bawah bab 3 ; atau

(e) sebarang anggota dari Pasukan Simpanan Gurkha ;

“pegawai memerintah Daerah Polis” bermakna pegawai yang dilantik untuk menjalankan tugas-tugas jawatan

UNDANG-UNDANG BRUNEI

4

PENG. 147

Kawasan-Kawasan Terkawal dan Tempat-Tempat Terkawal

itu dan bila pegawai sedemikian tidak boleh disebabkan ketidakhadiran, sakit atau lainnya untuk menjalankan tugas-tugasnya, bermakna pegawai polis yang hadir dan bertindak di dalam Daerah Polis yang berpangkat di bawah pegawai tersebut selepasnya.yang dilantik seperti yang tersebut di atas ;

Penggal 50.

“pasukan polis” mempunyai makna yang sama seperti di dalam Akta Pasukan Polis, dan termasuk —

(a) Pasukan Polis Sukarela Brunei, atau mana-mana bahagian daripadanya apabila di dalam perkhidmatan yang aktif ; dan

(b) mana-mana pasukan polis tambahan atau khas yang ditubuhkan di bawah sebarang undang-undang bertulis yang pada masa itu berkuatkuasa, atau mana-mana bahagian dari mana-mana pasukan sedemikian, apabila di dalam perkhidmatan yang aktif ;

“pegawai polis” bermakna sebarang anggota dari pasukan polis ;

“kawasan terkawal” bermakna mana-mana tempat yang telah diisyiharkan sebagai sebuah kawasan terkawal di bawah bab 4 ;

“tempat terkawal” bermakna mana-mana tempat atau bangunan dan perkarangan yang telah diisyiharkan sebagai sebuah tempat terkawal di bawah bab 5 ;

“angkatan yang melawat” bermakna mana-mana angkatan yang melawat yang pada masa itu berada di dalam Negeri ini dengan kuatkuasa mana-mana undang-undang bertulis atau dengan kuatkuasa sebarang perjanjian yang sah yang dibuat oleh atau bagi pihak Kerajaan Brunei.

Pemberian-
kuasa kepada
pengawal-
pengawal dan
penjaga-
penjaga.

3. Pesuruhjaya Polis, mana-mana pegawai yang memerintah Daerah Polis dan mana-mana pegawai polis yang berpangkat lebih tinggi dari penolong penguasa yang diberikuasa bagi maksud itu oleh Pesuruhjaya Polis atau seseorang pegawai yang memerintah Daerah Polis, boleh memberikuasa kepada sesiapa saja yang menjalankan tugas-tugas seorang pengawal atau penjaga di dalam kawasan

terkawal atau tempat terkawal untuk menjalankan kuasa-kuasa seseorang pegawai yang diberikuasa di bawah Akta ini.

4. (1) Jika berhubung dengan mana-mana kawasan difikirkan oleh Menteri sebagai perlu dan mustahak bahawa langkah-langkah khas mesti diambil bagi mengawal pergerakan-pergerakan dan kelakuan orang-orang di kawasan itu ia boleh dengan perintah mengisytiharkan kawasan sedemikian sebagai kawasan terkawal bagi maksud-maksud Akta ini.

Kawasan-kawasan Terkawal.

(2) Mana-mana orang yang berada di dalam mana-mana kawasan kawalan hendaklah patuh kepada arahan-arahan sedemikian bagi mengatur pergerakan dan kelakuannya sebagaimana yang mungkin diberikan oleh seseorang pegawai yang diberikuasa, dan seseorang pegawai yang diberikuasa boleh memeriksa mana-mana orang yang masuk, atau mencuba memasuki, atau berada di dalam, sesebuah kawasan terkawal, dan boleh menahan mana-mana orang sedemikian bagi maksud memeriksanya.

(3) Jika mana-mana orang semasa berada di dalam sesebuah kawasan terkawal gagal mematuhi mana-mana arahan yang diberikan di bawah ceraian (2) maka, tanpa menyentuh mana-mana tindakan yang mungkin diambil terhadapnya, ia boleh dikeluarkan dari kawasan itu oleh seseorang pegawai yang diberikuasa.

5. (1) Jika berhubung dengan mana-mana tempat atau bangunan yang difikirkan oleh Menteri sebagai perlu atau mustahak supaya langkah-langkah khas sepatutnya diambil untuk mencegah kemasukan orang-orang yang tiada kebenaran, ia boleh dengan perintah mengisytiharkan tempat atau bangunan sedemikian sebagai sebuah tempat terkawal bagi maksud-maksud Akta ini ; dan selagi perintah itu berkuatkuasa tiada sesiapa pun boleh, tertakluk kepada mana-mana pengecualian terhadap mana syarat mungkin dibuat di dalam perintah itu, berada di tempat atau bangunan itu kecuali ia telah menerima kebenaran dari pihak berkuasa atau orang seperti yang mungkin dinyatakan di dalam perintah itu atau dari seseorang pegawai yang diberikuasa yang menjalankan tugas di bangunan itu, untuk memasuki tempat atau bangunan dan perkarangan itu.

Tempat-tempat Terkawal.

(2) Jika, menurut bab ini, mana-mana orang diberikan kebenaran berada di dalam sesebuah tempat terkawal, orang itu hendaklah, semasa bertindak di bawah kebenaran sedemikian, mematuhi arahan-arahan sedemikian bagi mengaturkan kelakuannya seperti yang mungkin diberikan oleh pihak berkuasa atau orang yang memberikan kebenaran itu ; dan seseorang pegawai yang diberikuasa, atau sesiapa yang diberikuasa bagi pihak itu oleh penghuni bangunan dan perkarangan itu, boleh memeriksa mana-mana orang yang memasuki, atau berada di dalam, sesebuah tempat terkawal, dan boleh menahan mana-mana orang sedemikian bagi maksud memeriksanya.

(3) Jika mana-mana orang berada di dalam sesebuah tempat terkawal dengan melanggar bab ini, atau semasa berada di dalam tempat sedemikian gagal mematuhi mana-mana arahan yang diberikan di bawah bab ini, maka, tanpa menyentuh mana-mana tindakan yang mungkin diambil terhadapnya, ia boleh dikeluarkan dari tempat itu oleh seseorang pegawai yang diberikuasa atau mana-mana orang yang diberikuasa bagi maksud itu oleh penghuni bangunan itu.

Notis
perintah-
perintah di
bawah bab-
bab 4 dan 5.

6. Apabila sebarang perintah dibuat di bawah bab 4(1) atau 5(1), Menteri hendaklah menyebabkan supaya notis penguatkuasaan perintah sedemikian diberikan dalam cara yang difikirkannya perlu bagi membawanya kepada pengetahuan semua orang yang pada pendapatnya patut mengetahuinya ; dan perintah sedemikian hendaklah berkuatkuasa sebaik saja notis sedemikian telah diberikan, tanpa disiarkan di dalam *Warta Kerajaan*.

Hukuman.

7. Jika sesiapa jua yang melanggar atau gagal mematuhi mana-mana syarat dari bab 4 atau 5 atau mana-mana perintah yang dibuat di bawahnya atau sebarang arahan yang diberikan atau kehendak yang dikenakan di bawahnya, ia adalah bersalah di bawah Akta ini : Hukuman, penjara selama 2 tahun dan denda sebanyak \$2,000.

Kebolehan
menangkap
dan
menjamin
kesalahan-
kesalahan.

8. (1) Seseorang pegawai yang diberikuasa, dan sebarang orang yang diberikuasa di bawah bab 3 untuk menjalankan kuasa-kuasa seseorang pegawai yang diberikuasa di bawah Akta ini, boleh tanpa waran menangkap sesiapa jua yang didapati atau disyaki dengan munasabah melakukan atau cuba melakukan atau menyebabkan atau menghasut sebarang orang untuk melakukan sesuatu kesalahan terhadap Akta ini ; dan

bagi maksud-maksud Kanun Peraturan Jenayah setiap kesalahan terhadap Akta ini adalah boleh ditangkap.

Penggal 7.

(2) Jaminan adalah menurut pertimbangan berhubung dengan setiap kesalahan terhadap Akta ini.

9. Sesiapa jua yang cuba memasuki atau berada di dalam sesebuah kawasan terkawal atau sesebuah tempat terkawal dan gagal untuk berhenti setelah dicabar tiga kali oleh seseorang pegawai yang diberikuasa untuk berbuat sedemikian boleh ditangkap dengan kekerasan, kekerasan yang mana boleh, jika perlu untuk mengesankan tangkapan itu, sehingga menyebabkan kematian dengan sengaja.

Kuasa-kuasa khas di dalam kawasan-kawasan terkawal dan tempat-tempat terkawal.

10. (1) Adalah sah disisi Akta bagi Menteri memberikuasa supaya langkah-langkah sedemikian diambil sebagaimana yang mungkin dianggapnya perlu bagi melindungi sebarang kawasan kawalan atau tempat kawalan, dan langkah-langkah sedemikian boleh sehingga langkah-langkah pertahanan diambil yang melibatkan atau mungkin melibatkan bahaya kepada nyawa sesiapa jua yang memasuki atau cuba memasuki sesebuah kawasan kawalan atau tempat kawalan.

Langkah-langkah pertahanan di kawasan-kawasan kawalan dan tempat-tempat kawalan.

(2) Jika sebarang tindakan seperti yang dirujuk di dalam ceraian (1) dipakai, Pesuruhjaya Polis atau sesiapa jua yang diberikuasa sedemikian oleh Menteri bagi maksud itu hendaklah menunjukkan dengan jelas notis-notis amaran, sebagaimana yang dianggapnya perlu serta munasabah bagi menghalang kemasukan yang lalai atau tidak sengaja ke dalam mana-mana kawasan kawalan atau tempat kawalan sedemikian dan jika langkah-langkah berjaga-jaga sedemikian telah diambil dengan sempurna, tiada sesiapa pun berhak mendapat pampasan atau gantirugi berhubung dengan sebarang kecederaan yang diterima atau kematian yang disebabkan oleh sebarang kemasukan yang dilarang ke dalam mana-mana kawasan kawalan atau tempat kawalan sedemikian.

11. Sebarang perintah berkuatkuasa sebaik saja sebelum permulaan kuatkuasa Akta ini dan dibuat oleh Pesuruhjaya Polis di bawah Perintah 17(1) dari Perintah-perintah Darurat, 1962 hendaklah bagi maksud-maksud Akta ini dianggap sebagai dibuat oleh Menteri di bawah bab 5(1) (dan sebagai setelah dibawa kepada pengetahuan, menurut bab 6, sesiapa saja yang pada pendapatnya sepatutnya mengetahui) mengenai

Syarat-syarat peralihan bagi 17 tahun 1962.

permulaan kuatkuasa sedemikian ; dan mana-mana tempat atau bangunan yang diisyiharkan sebagai sesebuah tempat kawalan oleh perintah sedemikian hendaklah dianggap sebagai tempat kawalan bagi maksud-maksud Akta ini selagi perintah sedemikian terus berkuatkuasa berhubung dengan tempat kawalan sedemikian.